

SULIT



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER II
SESI 2019/2020**

NAMA KURSUS : PENGURUSAN ACARA
KOD KURSUS : BBP 47203
KOD PROGRAM : BBC
TARIKH PEPERIKSAAN : JULAI 2020
JANGKA MASA : 8 JAM
ARAHAN : JAWAB **SEMUA** SOALAN

TERBUKA

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI DUA (2) MUKA SURAT

SULIT

- Q1** Dalam zaman yang serba mencabar dengan pelbagai krisis ekonomi, jurang pekerjaan semakin ketara antara keperluan majikan dan penawaran lepasan ijazah yang menjadikan peluang pekerjaan semakin terhad. Pelajar lepasan ijazah perlu lebih dinamik dalam menentukan halatuju apabila mereka telah bergraduasi untuk bersaing dalam pasaran kerja. Justeru mereka memerlukan kemahiran-kemahiran yang sesuai sebagai modal insan yang dapat memenuhi keperluan dan kehendak semasa bagi merebut ruang yang ada. Pengurus acara dilihat sebagai salah satu prospek peluang kerjaya yang boleh dibangunkan di masa akan datang.

Berdasarkan peluang tersebut **ANDA** dikehendaki membincangkan isu-isu berdasarkan tema yang diberikan dan kaitkan dengan kebolehpasaran kerjaya dalam bidang pengurusan acara. Setiap pelajar perlu memilih 3 sub tema untuk dibincangkan. Berdasarkan hasil perbincangan, cadangkan strategi yang sesuai bagi mempertingkatkan lagi kucedah dan kualiti mengikut keperluan semasa dan memenuhi keperluan industri 4.0 meliputi sub tema berikut:

- 1) Isu dan cabaran peluang pekerjaan
- 2) Kemahiran asas pekerjaan
- 3) Penerapan nilai keusahawanan
- 4) Kemahiran dan pengetahuan dalam pembangunan modal insan
- 5) Hubungan universiti dan industri
- 6) Pengurusan pengetahuan
- 7) Kompetensi alam pekerjaan

Prosedur penulisan jawapan:

- 1) Jawapan hendaklah dimuatnaik dalam Google Classroom atau email kepada urusacara@gmail.com
- 2) Olahan perlu kritis dan tersusun.
- 3) Tulisan teks "Times New Roman" bersaiz 12 dengan langkau baris 1.5.
- 4) Maklumat pelajar :
 - Sila guna template yang telah disediakan.
 - Sekiranya didapati terdapat sebarang peniruan, markah akan ditolak terus bagi pelajar yang terlibat.
 - Dinasihatkan agar menggunakan olahan ayat sendiri dan perlu ada sokongan rujukan untuk mengelakkan daripada sebarang peniruan.

Rubrik pemarkahan :

- 1) Pengenalan (10m)
 - 2) Isi dan olahan ayat (50m)
 - 3) Perbincangan (20m)
 - 4) Penutup (10m)
 - 5) Rujukan dan lampiran (10m)
- Jumlah 100m

- SOALAN TAMAT -